BERITA mediacorp
Kata Carian Car




# NUS, NTU ungguli senarai universiti terbaik Asia; diiktiraf antara terbaik di dunia

9/6/2021 18:17

A A+ KONGSI ARTIKEL

SINGAPURA: Dua universiti tempatan diiktiraf sebagai universiti terbaik Asia dalam edisi 2022 Ranking Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS).

Universiti-universiti itu dinilai dalam bidang-bidang seperti kajian dan keupayaan menarik tenaga pengajar terbaik antarabangsa.

NUS mengekalkan kedudukannya di tempat pertama untuk empat tahun berturut-turut.

Ia mempunyai reputasi akademik dan indeks fakulti antarabangsa yang kukuh.

NTU pula melonjak ke tempat kedua dengan peningkatan yang baik seperti reputasi akademiknya.

Di peringkat sejagat, NUS menduduki tangga ke-11 antara 1,300 universiti di dunia manakala NTU naik ke tangga ke-12.

- CNA/IA/h